

# Amaran kepada penaja rumah

## Mahathir: Jangan ambil kesempatan dari kenaikan harga simen



MDR. MAHATHIR

**KUALA LUMPUR, Khamis.** — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini, memberi amaran kepada para pemaju perumahan supaya jangan cuba mengambil kesempatan dari kenaikan harga simen untuk menaikkan harga rumah sebanyak 10 peratus bagi rancangan-rancangan perumahan baru.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan, Kerajaan akan mengambil tindakan tegas ke atas mana-mana pemaju perumahan yang berbuat demikian.

"Kerajaan memandang berat jika para pemaju perumahan mengambil kesempatan menaikkan harga rumah 10 peratus dari kenaikan harga simen yang ditunjukkan oleh Kerajaan semalam," katanya dalam satu

sidang akhbar, di sini tengahari ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian menafikan para pemaju perumahan yang cuba berbuat demikian sebagai "lintah" yang mementingkan keuntungannya tanpa memikirkan beban yang ditanggung oleh rakyat.

"Kerajaan mempunyai cara-caranya tersendiri untuk bertindak ke atas mereka yang berbuat demikian," ujar beliau kepada satu soalan.

### Halran

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, beliau memanggil sidang akhbar itu berikutan dengan laporan di dalam beberapa buah akhbar tempatan hari ini bahawa kemungkinan para pemaju perumahan menaikkan harga sebanyak 10 peratus atau lebih ke atas rancangan perumahan baru mereka berikutan dengan kenaikan harga simen sebanyak \$8.20 sekampit.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan, tidak ada sebab yang wajar bagi para pemaju perumahan untuk berbuat demikian.

"Saya sangat halran kenapa harga rumah hendak dinaikkan sebanyak 10 peratus sedangkan penggunaan simen cuma sebanyak 4 peratus sahaja dari harga sesebuah rumah atau bangunan," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir memberitahu, kenaikan harga simen itu cuma 40 sen sahaja, iaitu dari \$7.80 sekampit kepada \$8.20 pada setengah tempat, tidak sampai 100 peratus.

"Jadi tidak ada sebab mengapa harga rumah dan bangunan harus dinaikkan kepada 10 peratus," katanya.

Menurutnya, harga \$8.20 itu adalah sebagai harga runcit yang dikenakan bagi seluruh Semenanjung dan syarikat-syarikat simen dan peruncit masih boleh menjualnya dengan harga yang kurang dari \$8.20.

### Murah

Katanya, para pemaju perumahan boleh membeli bahan tersebut dengan secara borong dengan harga yang lebih murah.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, bagi sekampit simen sekarang tidak boleh dijual lebih dari \$8.20 di seluruh Semenanjung Malaysia.

Menurut beliau, harga bahan itu bagi kawasan-kawasan yang berhampiran dengan kilang-kilang simen adalah berbeza dengan harga bagi kawasan yang jauh dari kilang dan dengan sebab itu ia dapat memberi subeldi kepada para pengguna yang jauh dari kilang-kilang simen seperti di Kelantan dan Trengganu.

Beliau memberitahu, kerajaan terpaksa menaikkan harga simen kerana harga bagi bahan-bahan mentah makin meningkat dan pengilang-pengilangnya meminta kenaikan harga bahan itu.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir lagi, tidak ada kenaikan harga bagi simen sehingga tahun 1974 tetapi dalam tempoh 5 tahun lalu (1974 hingga 1979), bahan-bahan bagi membuat simen telah meningkat, sebab itulah Kerajaan membenarkan kenaikan harga simen tidak lebih \$8.20 sekampit.

Beliau memberi jaminan bahawa bekalan simen dalam negeri adalah mencukupi keperluan pengguna dan masalah kekurangan bahan itu di Negeri Pantai Timur disebabkan masalah pengangkutan.

Menurut beliau, pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah berunding dengan berunsyuk-unsyuk untuk membuat simen untuk membekalkan bahan itu terutamanya ke Pantai Timur dan mengatasi masalah pengangkutan.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, menu-pengilang-pengilang simen, sebanyak 250 beg simen berharga kira-kira \$2,500 digunakan dalam pembinaan sesebuah rumah yang teres dua tingkat setua.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

No Siri ..... 2152  
No. Penerimaan ..... 328/82